

03 JUN 1999

Najib-UMMT

DR MAHATHIR RASMI UNIVERSITI MULTIMEDIA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Universiti Multimedia Telekom (UMMT) di Cyberjaya pada 9 Julai, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata UMMT merupakan universiti tunggal yang diberi mandat oleh kerajaan bagi melahirkan "usahawan siber" yang berkebolehan mencipta dan memasarkan produk berasaskan multimedia dan perisian komputer ke seluruh dunia.

"UMMT juga adalah satu-satunya universiti yang dibenarkan beroperasi di kawasan ini berikutan keputusan kerajaan untuk tidak meluluskan cadangan pembinaan universiti lain di Cyberjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program orientasi 600 pelajar baru UMMT di sini hari ini.

Najib berkata UMMT yang menawarkan pengajian peringkat matrikulasi, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah adalah sebuah universiti yang menawarkan konsep pengajian secara menyeluruh.

Ini kerana pelajarannya bukan sahaja diberi pendedahan kepada pengajaran berbentuk teori tetapi juga diberi peluang melaksanakannya secara praktikal.

Mengenai pembinaan kampus UMMT, beliau berkata kerajaan berpuas hati dengan perkembangan pembinaan fasa pertama kampus UMMT berharga RM350 juta yang telah dapat disiapkan dalam tempoh setahun setengah sahaja.

Beliau berkata UMMT di Cyberjaya akan mempunyai 3,400 pelajar merangkumi 600 pelajar baru dan 2,800 pelajar senior yang akan berpindah dari kampus sementara di Universiti Telekom (Unitele) di Melaka.

"Daripada 600 pelajar baru terbabit, sebanyak 100 orang adalah pelajar warganegara asing yang datang daripada 13 negara," katanya.

Menurut Najib pelajar terbabit mengambil pelbagai kursus termasuk kejuruteraan, telekomunikasi, teknologi maklumat dan pengurusan.

Cyberjaya yang terletak kira-kira 40km di selatan Kuala Lumpur adalah komponen teras kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Bandar itu yang dibangunkan di atas kawasan seluas 2,800 hektar dibina berdasarkan konsep mesra alam.

-- BERNAMA

NY NMO